

NO SOALAN : 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 9.11.17  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menerima cadangan untuk memberikan imbuhan bulanan sekurang-kurangnya RM300 sebulan kepada 160,442 tentera yang tidak berpencen terutama mereka yang agak daif.

61

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah veteran ATM tidak berpencen pada masa ini adalah berjumlah 183,129 orang. Sekiranya kerajaan memberi imbuhan sebanyak RM 300 sebulan kepada semua veteran ini, jumlah peruntukan yang perlu disediakan adalah sebanyak RM 54.95 juta sebulan atau RM 659.37 juta setahun. Berdasarkan implikasi besar kewangan ini Kerajaan masih belum bersedia untuk memberi imbuhan bulanan kepada semua veteran ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat terhadap hal ehwal kebajikan veteran ATM tidak berpencen melalui bantuan sara hidup. Bantuan ini telah mula disalurkan kepada veteran ATM melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) sejak tahun 2002. Kadar bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM300 sebulan kepada veteran yang layak. Bantuan ini hanyalah bersifat bantuan kewangan tambahan dan bukan pendapatan utama veteran serta bukan bersifat imbuhan.

Pada tahun 2017, pihak Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM18 juta bagi meringankan beban kos sara hidup veteran ATM dan tanggungan mereka yang daif, uzur, hilang upaya dan menghadapi penyakit kronik berdasarkan kelayakan kiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan. Sehingga bulan September 2017, seramai 802 penerima baru Bantuan Sara Hidup telah diluluskan merangkumi 634 orang veteran ATM dan 186 balu menjadikan jumlah penerima keseluruhan adalah seramai 5,835 orang.

Pada tahun ini juga, kerajaan telah memperkenalkan skim Bantuan Bakti Negara (BBN) khas bagi veteran ATM yang tidak berpenden yang layak. Jumlah bantuan ini adalah sebanyak RM1,200 setiap tahun bagi penerima BR1M dan RM600 bagi veteran yang berumur 60 tahun ke atas bagi veteran yang bukan penerima BR1M.